

SOALAN NO.: 168

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan keadaan komoditi dan usaha membantu para pekebun.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor komoditi yang terdiri daripada produk-produk sawit, getah, kayu kayan, koko, lada dan kenaf telah merekodkan pendapatan eksport sebanyak RM122 bilion, meningkat 4.2% berbanding RM117.1 bilion pada tahun 2015. Sektor komoditi juga menyumbang 15.5% kepada jumlah pendapatan eksport barang di Malaysia. Selain itu, sektor komoditi yang melibatkan aktiviti peringkat hulu dan hiliran telah menyumbang sebanyak 7.4% atau RM82.2 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Produk-produk komoditi negara diperdagangkan di peringkat antarabangsa dan harga pasaran adalah ditentukan oleh kuasa penawaran dan permintaan. Secara keseluruhannya, kesemua purata harga komoditi utama kecuali lada hitam dan putih telah merekodkan peningkatan bagi tahun 2016. Prestasi purata harga komoditi pada tahun 2016 adalah seperti berikut:

- (i) minyak sawit mentah (*Crude Palm Oil – CPO*) meningkat 23.2% ke paras RM2,653 se tan;
- (ii) getah asli (SMR 20) meningkat 8.9% ke paras RM5.68 sekilogram;
- (iii) biji koko (Tawau) meningkat 4.2% ke paras RM8,370 se tan; dan
- (iv) lada hitam dan lada putih masing-masing menurun sebanyak 7.1% dan 1.5% ke paras RM26,400 se tan dan RM43,114 se tan.

Pengukuhan harga komoditi pada tahun 2016 telah memberi impak yang positif kepada pendapatan para pengusaha tanaman komoditi terutamanya pekebun kecil di mana hampir 40% tanaman sawit dan 95% tanaman getah adalah diusahakan oleh golongan ini. Bagi koko, lada dan kenaf, keseluruhan tanaman diusahakan sepenuhnya oleh pekebun kecil.

Kerajaan amat prihatin terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan para pengusaha tanaman komoditi terutamanya oleh para pekebun kecil. Dalam hal ini, inisiatif Kerajaan bagi membantu pekebun kecil adalah dengan menyediakan insentif-insentif seperti berikut:

1. Sawit

- (i) Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) yang menyediakan insentif sebanyak RM7,500 sehektar di Semenanjung dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak;
- (ii) Skim Insentif Integrasi Tanaman dan Ternakan dengan Sawit (ITa & ITe). Pekebun kecil disediakan input pertanian seperti benih tanaman, baja, racun, tiang sokongan dan penyediaan tanah. Bagi pekebun kecil yang berminat untuk melaksanakan integrasi ternakan, bantuan yang disediakan meliputi pemberian lembu atau kambing, ubat-ubatan, peralatan dan kandang. Selain itu, latihan dan lawatan khidmat nasihat turut diberikan kepada peserta skim ini; dan
- (iii) Skim Insentif Mekanisasi Industri Sawit (OPIMIS) disediakan kepada pekebun kecil bagi pembelian jentera dan peralatan

ladang yang baru dengan diskaun harga sehingga 20% daripada harga pasaran.

2. Getah

- (i) Mekanisme Penetapan Harga di Ladang bagi mengurangkan lapisan pembeli dan meningkatkan harga pembelian getah di ladang; dan
- (ii) Menyediakan infrastruktur kutipan lateks. Pelaksanaan inisiatif ini mampu mengurangkan pengimportan lateks selain menyumbang kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil memandangkan harga lateks adalah lebih tinggi berbanding harga *cuplump*.

3. Koko

- (i) Program Pembangunan Rantaian Koko Kluster adalah bertujuan untuk membangunkan keluasan tanaman komoditi koko secara kuster bagi mengoptimumkan penggunaan kawasan untuk tanaman koko baru; dan
- (ii) Program Peningkatan Produktiviti Pengeluaran Koko dilaksanakan dengan memberi bantuan melibatkan input pertanian dan khidmat nasihat ke arah peningkatan produktiviti koko dan penghasilan biji koko kering yang berkualiti.

4. Lada

- (i) Program Pembangunan Kawasan Tanaman Baharu Lada ini adalah untuk memperluaskan penanaman lada di kawasan-

kawasan baharu. Kerajaan menyediakan bantuan kepada pekebun kecil dengan nilai bantuan sebanyak RM18,000 sehektar yang merangkumi pemberian input pertanian seperti baja, racun, dolomit dan khidmat nasihat teknikal.

5. Kenaf

- (i) Program Pembangunan Tanaman Kenaf adalah untuk menggalakkan pekebun kecil melibatkan diri dalam penanaman Kenaf. Insentif yang disediakan ialah pengeluaran fiber dengan kadar bantuan sebanyak RM2,385 sehektar dan penghasilan biji benih Kenaf dengan bantuan RM3,000 sehektar.

Kerajaan akan terus meninjau dan melaksanakan insentif-insentif yang bersesuaian agar para pekebun kecil yang mengusahakan tanaman komoditi meraih faedah dari segi peningkatan pendapatan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (169)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU
[BARAM]**

SOALAN :

YB TUAN ANYI NGAU [BARAM] Minta PERDANA MENTERI menyatakan dasar rancangan pembangunan di kawasan Baram secara terperinci. Nyatakan rancangan-rancangan yang telah dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) yang bertemakan “Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat” jelas menyatakan komitmen Kerajaan bahawa rakyat adalah tunjang dan keutamaan dalam semua usaha pembangunan negara. Pelaksanaan projek yang memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi berteraskan rakyat yang inklusif dan berterusan di dalam RMKe-11 seperti pertanian dan infrastruktur asas seperti jalan dan bekalan air akan diteruskan kerana ia memberi kesan berganda kepada ekonomi selain meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan sebanyak RM104.2 juta telah disediakan untuk melaksanakan 14 projek pembangunan di Parlimen Baram dalam *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia Ke-11, iaitu tahun 2017. Peruntukan ini, antaranya bagi membiayai projek-projek berikut:

- i. Projek Menaik Taraf Bekas Jalan Balak di Negeri Sarawak (Fasa 4);

- ii. Projek Bekalan Air Luar Bandar Kawasan Beluru, Bahagian Miri, Sarawak;
- iii. SCORE – Baram: Integrated Highland Agriculture Station;
- iv. Projek Waterfront Sungai Baram, Marudi, Sarawak; dan
- v. Projek Tanam Baru Getah Di Long Laput, Baram, Sarawak.

Sekian, terima kasih.

Mac 2017